



Anwar beramah mesra dengan penjawat awam pada Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

# IPT dicabar berani lakukan perubahan

Cendekiawan perlu lebih ruang cetus idea hadapi dunia pasca normal

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar cendekiawan dan pemimpin universiti untuk melakukan anjakan paradigma dalam mendepani cabaran dunia pasca normal.

Perdana Menteri berkata, jika pimpinan universiti dan pemikir masih merencana formula sama seperti mana yang dilakukan 20 atau 30 tahun lalu, negara akan ketinggalan landasan.

Cabaran itu dibuat ketika beliau berdiskusi bersama 500 peserta membabitkan pengurusan tertinggi universiti awam dan swasta, cendekiawan, pakar, tokoh pendidikan dan peserta industri pada Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Anwar turut menyinggung kerencaman permasalahan yang mencengkam sektor pendidikan tinggi negara merangkumi perihal identiti, falsafah pendidikan, keperluan negara dan budaya serta desakan dan tuntutan semasa yang perlu ditangani.

"Untuk mendepani tantangan yang begitu kritikal dalam dunia pasca normal, cendekiawan dan pimpinan universiti perlu melakukan anjakan paradigma, pe-

rubahan yang sistemik dan bukan sekadar penyesuaian kecil-kecilan, dalam merangka penyelesaian.

"Jika pimpinan universiti dan pemikir masih merencana formula sama seperti mana yang dilakukan 20 atau 30 tahun lalu, maka negara akan ketinggalan landasan. Justeru proses perbincangan dan kelulusan yang berselirat dengan karenah birokrasi perlu diperhalusi," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Anwar berkata, atas sebab itu juga, beliau memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam Kabinet.

"Misalnya, apabila diputuskan pelaksanaan dasar peralihan tenaga, ia sepatutnya dibuat dalam dua bulan, bukan seperti amalan lalu yang mengambil masa enam bulan hingga satu tahun.

"Saya buat kes ujian untuk Kabinet yang biasanya ambil masa satu tahun setengah berdasarkan pengalaman lama. Saya minta KSU (Ketua Setiausaha Kementerian) bawa kepada menteri dan ke Kabinet, kita lulus dalam masa dua bulan.

"Seluruh pendekatan negara juga perlu berubah. Kita harus ketepikan polemik titik bengkok, sebaliknya kalangan pemikir bangsa harus melihat keutamaan iaitu melakukan anjakan, perbaiki kelemahan, mendidik anak-anak kita supaya mereka mampu bersaing dengan yakin sekali gus mengangkat martabat bangsa dan negara ke tingkat tertinggi," katanya.

Untuk mencapai matlamat itu, Perdana Menteri mahu kepimpinan di institusi pengajian tinggi (IPT) diberi ruang dan kelonggaran untuk membawa idea ba-

haru untuk memperkasa pendidikan negara.

Langkah itu, kata Anwar, penting bagi memastikan IPT negara mampu bersaing di peringkat serantau dan dunia, sekali gus melahirkan mahasiswa berkualiti tinggi.

"Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hanya harus selaraskan (program universiti) bagi mengelakkan pertindihan atau permasalahan dan beri lebih ruang serta kelonggaran kepada universiti, lihat lebih banyak program yang lebih baik, kalau tidak kita ubah kepimpinan (IPT)," katanya.

## Malaysia miliki kekuatan

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai kekuatan, namun dalam beberapa bidang, sudah ketinggalan berbanding Indonesia, Thailand dan Vietnam.

Katanya, berdasarkan pengalamannya sebagai tenaga pengajar, termasuk sebagai felo pelawat di beberapa universiti, sistem pendidikan Barat juga ada kelemahannya, namun ia mempunyai kekuatan luar biasa iaitu kesungguhan disiplin mahasiswa dan graduan muda dalam mencari maklumat.

"Saya tidak fikir kita boleh bersaing dengan negara maju dalam bidang tertentu, sekiranya kita tidak dapat membentuk disiplin di kalangan anak-anak muda dan mahasiswa.

"Universiti juga perlu mengambil kira keperluan pelabur luar bagi memastikan kebolehpasaran graduan, terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan industri yang menyaksikan beberapa syarikat gergasi antarabangsa bersetuju untuk melabur di negara ini," katanya.